


Penggunaan Group Whatsapp dalam Pengurusan Sahsia dan Aktiviti Pelajar di Kolej Kediaman: Emosi, Kelakuan, Norma

(The Use of Whatsapp Group in Personality Management and Student Activities in Residential Colleges: Emotions, Behavior and Community Norms)

Syahrudin Hj. Ag. Ahmad^{1*} 

¹Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
Email: syahag@ums.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Syahrudin Hj. Ag. Ahmad
(syahag@ums.edu.my)

KATA KUNCI:

Media Sosial
Group whatsapp
Model Tetingkap EKNI
(TtEKNI)
Pengurusan kolej kediaman

KEYWORDS:

Social Media
Whatsapp Group
EKNI Windows Model (TtEKNI)
The Management of Residential
College

CITATION:

Syahrudin Ag. Ahmad. (2022).
Penggunaan Group Whatsapp dalam
Pengurusan Sahsia dan Aktiviti Pelajar di
Kolej Kediaman: Emosi, Kelakuan, Norma.
*Malaysian Journal of Social Sciences and
Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001495.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1495>

ABSTRAK

Media sosial kian mendapat tempat dalam kalangan warga negara ini malah juga penduduk seantero dunia. Ia berfungsi sebagai mediaum yang dapat menghubungkan seseorang dengan seseorang atau kumpulan manusia lain pada satu-satu masa dengan tujuan yang tertentu. Pilihan untuk memuat naik maklumat, pendapat, gambar dan bahan multimedia menjadikan media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram, Whatsapp dan Wechat berguna dan sudah tentu memudahkan urusan perkongsian maklumat dalam kalangan ahli-ahli komuniti yang menggunakan teknologi media sosial tersebut. Justeru, Model Tetingkap EKNI (TtEKNI) digunakan oleh penyelidik untuk menzahirkan gambaran aktiviti wacana di group whatsapp yang dijayakan oleh admin yang berkenaan dan ahli-ahli group whatsapp yang berkenaan. TtEKNI dapat memberikan gambaran tentang aktiviti wacana dari sudut maklumat tentang bingkai pendapat individu terutama tentang ciri-ciri pendapat dari sudut corak dan aliran, tona negatif dan positif serta istilah yang mengaitkan pihak pengurusan kolej, organisasi pelajar di kolej kediaman dan pelajar-pelajar yang menghuni kolej kediaman yang berkenaan. Model EKNI atau TtEKNI dapat merumuskan sikap, kelakuan dan kepercayaan ahli-ahli dalam lima group whatsapp terhadap mesej berkaitan sahsiah dan aktiviti pelajar dalam satu-satu perbualan di group whatsapp yang dikaji. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa, maklumat yang dikongsi dan diproses seterusnya diberikan maklumbalas oleh warga kolej kediaman Excellence (E) menerusi lima group whatsapp telah memberikan impak yang positif kepada rangka kerja pengurusan kolej kediaman ini secara keseluruhan.

ABSTRACT

Social media is gaining ground among the citizens of this country and even the population around the world. It serves as a medium that can connect a person with another

person or group of human beings at one time with a specific purpose. The option to upload information, opinions, photos and multimedia materials makes social media such as Facebook, Twitter, Instagram, Whatsapp and Wechat useful and of course facilitates information sharing among community members who use social media technology. Thus, the EKNI Window Model (TtEKNI) is used by researchers to reveal a picture of discourse activities in the whatsapp group that was successful by the admin and the members of the whatsapp group. TtEKNI can provide an overview of discourse activities in terms of information about individual opinion frames, especially about the characteristics of opinions in terms of patterns and flow, negative and positive tones and terms which are related to college management, student organizations in residential colleges and students living in colleges. The EKNI or TtEKNI model could theoretically summarize the attitudes, behaviors and beliefs of members in the five whatsapp groups on messages related to personality and student activities in each and every single conversation in the whatsapp groups studied. The findings of this study explain that, the information shared and processed and then given feedback by the residents of the Excellence (E) residential college through five whatsapp groups has had a positive impact on the management framework of this residential college as a whole.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini adalah asli daripada data lapangan di kolej kediaman di Universiti Malaysia Sabah. Kajian ini menyumbang kepada sorotan literatur kepada kajian-kajian berkaitan whatsapp di mana data yang dikemukakan beserta analisis serta rumusan hasil kajian ini adalah sahih dan ia diperakukan telah memberikan perspektif kepada fungsi group whatsapp di Universiti.

1. Pengenalan

Teknologi hari ini telah mengubah semua bentuk aktiviti kehidupan masyarakat pelbagai lapisan usia dan bidang pekerjaan. Ciptaan baru dalam bentuk gajet dan perkakasan komputer berubah-ubah dan semakin baik dengan meningkatnya teknologi dan inovasi (Ramamurthy & Srinivasa, 2015). Penggunaan telefon pintar boleh mencetuskan kemahiran berfikir secara kritis, kreatif, komunikasi dan berinteraksi secara efisien.

Siew et al. (2016) dalam kajian mereka menjelaskan bahawa 'rangkaiian sosial' dapat memenuhi keperluan kehidupan mereka terutama dalam memberikan faedah-faedah bagi menjayakan aktiviti berkaitan diri dan masyarakat mereka.

Seterusnya, pada Ogos 2014 satu laporan hasil kajian berjudul "*Telenor Group study: Digital frontrunners in Malaysia and Thailand among world's most mobile Internet-hungry*" yang dijalankan oleh Malaysianwireless.com (2014) iaitu Unit Penyelidikan kepada Syarikat Telenor Group mendapati bahawa pengguna internet di Malaysia dan Thailand telah menggunakan internet menerusi telefon pintar secara meluas untuk aktiviti rutin dalam kehidupan mereka dan bukan setakat untuk bersosial. Dapatan

kajian ini menggambarkan bahawa Asia Tenggara menjadi hub kepada pembangunan perniagaan berteraskan pemasaran atas talian.

Kajian ini merumuskan warga Malaysia dan Thailand mendahului rakyat di negara-negara Scandinavia sebagai pengguna tegar bagi fungsi komunikasi melalui penggunaan telefon pintar. Fungsi-fungsi aplikasi media sosial, *voice mail*, aplikasi android dan IOS serta penggunaan Facebook begitu ketara di kalangan warga kedua-dua negara Asia Tenggara tersebut.

2. Media Sosial dalam Kalangan Masyarakat

Deo Shao dan Hassan (2014) dalam kajian mereka menjelaskan bahawa *Online Social Networks* (OSNs) atau Rangkaian Sosial Atas Talian kini menguasai hampir semua aspek dalam kehidupan masyarakat terutama menerusi penggunaan teknologi telefon mudah alih atau telefon pintar hari ini. Rumusan kajian Deo Shao dan Hassan (2014) turut mendedahkan bahawa dalam tahun-tahun kebelakangan ini, media sosial seperti Facebook Itwitter, Instagram dan Youtube telah menjadi semakin popular dalam kalangan pelajar universiti. Aplikasi ini menjadi sebahagian daripada keperluan dalam kehidupan siswa dan siswi khususnya dalam membina hubungan antara satu sama lain. Hubungan ini berteraskan minat, tugas, interaksi sosial dan hubungan peribadi.

Menurut *Theory of Ritualised Media Use*, “media bukan setakat digunakan untuk tujuan maklumat dan hiburan, penggunaan media menjadi satu kebiasaan dan berterusan dalam rutin kehidupan masyarakat sehari-hari sebagai satu cara membuat penyimpangan daripada aktiviti utama dalam kehidupan mereka (Debatin et al., 2009).

Couldry (2003) menyatakan bahawa terdapat tiga pendekatan umum bagi istilah ‘ritual’ dalam disiplin ilmu antropologi iaitu, 1. tindakan biasa atau kebiasaan (tabiat atau pola perbuatan berulang); 2. tindakan formal yang disepakati oleh sekumpulan orang dalam satu-satu komuniti atau populasi yang mengamalkan budaya dan adat resam yang sama, dan; 3. tindakan yang melibatkan nilai keunggulan dalam satu-satu masyarakat yang dianggap sebagai penting dalam kehidupan masyarakat tersebut.

Terma ‘media rituals’ merujuk kepada keseluruhan situasi di mana media ‘berdiri sendiri,’ atau muncul dalam satu-satu persekitaran atau organisasi sebagai alat atau platform yang utama yang dapat menghubungkan ahli-ahli dalam organisasi atau persekitaran tersebut.

‘Ritual’ seringkali dikaitkan dengan sesuatu yang dapat menghasilkan atau mengekalkan integrasi sosial dalam kalangan ahli atau anggota sesebuah masyarakat.

Tze et al. (2014) dalam satu kajian ke atas penggunaan Facebook menunjukkan bahawa kecekapan berkomunikasi dalam kalangan pelajar meningkat menerusi penggunaan aplikasi Facebook. Justeru, Facebook telah menjadi platform bagi pelajar untuk mengemukakan persoalan. Rakan sebaya yang lain akan menggunakan peluang untuk bertanya dan mengupas topik perbincangan secara atas talian. Aktiviti berkongsi idea, menguji metodologi dan mengetengahkan maklumat menerusi Facebook telah menyebabkan interaksi yang berteraskan ilmiah menjadi lebih menarik dan aktif.

3. Aplikasi WhatsApp dan Telefon Pintar dalam kalangan Komuniti Pelajar Universiti

Sejak aplikasi Whatsapp muncul di kalangan masyarakat dalam tahun 2009, bilangan pengguna aktif aplikasi penghantaran mesej segera ini telah meningkat seramai kira-kira 500 juta orang di seluruh dunia. Pengguna-pengguna aplikasi ini telah berkongsi sekurang-kurangnya 700 juta gambar dan 100 juta video setiap hari (Acton & Koum, 2014).

Aplikasi WhatsApp yang dibina berpandukan orientasi dan konsep *Short Messaging Service* (SMS) menawarkan perkhidmatan menyebarkan mesej dalam bentuk teks untuk berkomunikasi antara pengirim dan penerima mesej menerusi senarai 'contact person' dalam telefon pintar, lokasi atau kandungan media 9audio, gambar, audio-visual dan seumpamanya yang dikongsi sesama ahli dalam *Group WhatsApp* (Church & Oliveria, 2013; Soliman & Salem, 2014; O'Hara et al., 2014; Devi & Tevera, 2014).

Sungguhpun begitu, masih amat kurang kajian dilakukan ke atas penggunaan dan kesan aplikasi WhatsApp ke atas keupayaan serta prestasi pelajar-pelajar dalam pembelajaran (Bere, 2012; Yeboah & Ewur, 2014). Secara umum, sebilangan kajian ke atas aplikasi WhatsApp menunjukkan subjek utama adalah pengguna aplikasi berkenaan dan bagaimana pengguna-pengguna WhatsApp mengakses aplikasi, memanfaatkan bahan kandungan perbualan atau wacana dalam WhatsApp dan berkomunikasi secara real time sesama pengguna yang lain (Bere, 2012; Plana et al. 2013; Church & Oliveira, 2013; Yeboah & Ewur, 2014; Soliman & Salem, 2014; Devi & Tevera, 2014; O'Hara et al., 2014).

Dalam konteks penggunaan aplikasi WhatsApp di universiti, Sudharani dan Nagaraju (2016) menjelaskan bahawa majoriti pelajar universiti khususnya siswa dan siswi di peringkat pengajian Ijazah Sarjana Muda iaitu kira-kira 54.78% bersetuju dengan kenyataan bahawa aplikasi WhatsApp adalah 'aplikasi komunikasi yang normal' berbanding kenyataan bahawa WhatsApp lebih berfungsi sebagai alat perhubungan dalam kalangan orang yang bercinta atau rakan baik semata-mata. Aplikasi sosial ini juga digunakan secara efektif dan efisien menerusi telefon pintar.

Noor Azuan, Nor Liza, Rosman dan Hawati (2015) dalam kajian mereka mendapati bahawa aplikasi *WhatsApp Messenger* adalah salah satu aplikasi media sosial di telefon pintar telah menjadi semakin popular sebagai satu cara interaksi sosial masakini. Aplikasi WhatsApp juga dikatakan dapat mempertingkatkan aliran maklumat dan idea yang berkesan di kalangan pelajar-pelajar.

Proses penyampaian dan penerimaan mesej terutama dalam perkongsian idea dan maklumat semasa dalam kalangan pelajar juga dapat dijayakan melalui penggunaan aplikasi WhatsApp. Aplikasi WhatsApp dapat membantu seseorang menyalurkan maklumat multimedia seperti teks, audio, video, gambar dan grafik secara efektif kepada penerima khususnya menerusi telefon pintar (Sudharani & Nagaraju, 2016).

Dayani dan Ariff (2014) pula menerusi satu kajian yang cuba mengenalpasti penggunaan WhatsApp dalam kalangan pelajar ijazah sarjana muda di Universiti Brunei Darussalam (UBD) mendapati bahawa majoriti pelajar-pelajar yang menggunakan aplikasi WhatsApp akan menggunakan aplikasi ini secara purata lebih daripada tiga jam dalam sehari. Kajian di UBD ini juga merumuskan bahawa aplikasi WhatsApp begitu berguna dalam perbincangan kumpulan dan interaksi sesama ahli sesebuah komuniti.

Dalam satu kajian lain oleh [Jamaluddin et al. \(2014\)](#) mendapati bahawa telefon pintar (*smartphones*) telah digunakan sebagai alat komunikasi utama sejak media sosial berperanan sebagai alat interaksi dalam proses sosialisasi masyarakat. Hal yang demikian menjelaskan bagaimana telefon pintar berfungsi secara dominan dalam menyediakan maklumat kepada semua pihak dalam masyarakat.

Justeru, penggunaan aplikasi WhatsApp kini menjadi satu trend dan amalan yang berterusan oleh semua ahli masyarakat khususnya pelajar-pelajar di institut pengajian tinggi. Aplikasi ini juga meluas penggunaannya melalui telefon pintar kerana ia lebih mudah dan praktikal berbanding melalui komputer peribadi atau komputer riba.

4. Aplikasi Model Tetingkap EKNI (TtEKNI) dalam Wacana Sahsiah dan Aktiviti Pelajar di *Group WhatsApp* di Kolej Kediaman *Excellence* (GWKKE), Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Kolej Kediaman *Excellence* atau lebih dikenali sebagai Kolej Kediaman E (KKE) merupakan salah sebuah kolej kediaman yang terdapat di dalam kampus induk UMS. Kolej ini terdiri daripada lima buah blok di mana empat buah blok menempatkan siswi dan sebuah blok lagi didiami oleh siswa. Seramai 3600 orang pelajar menghuni KKE pada setiap sesi pengajian. Kolej yang ditubuhkan dalam tahun 2004 ini ditadbir oleh seorang pengetua, timbalan pengetua, sepuluh orang felo kakitangan dan felo pelajar. Seorang penolong pegawai tadbir dan dua orang pembantu tadbir memainkan peranan sebagai nadi pengurusan bagi hal berkaitan pentadbiran Hal Ehwal Pelajar di Kolej ini.


Berbeza dengan kolej-kolej kediaman lain di UMS, pengurusan sahsiah dan aktiviti pelajar-pelajar di Kolej ini diperkasakan menerusi Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) sebagai organisasi pelajar yang utama yang dipertanggungjawabkan untuk memantau sekaligus bertindak ke atas aspek-aspek serta isu berkaitan dengan sahsiah dan aktiviti pelajar. Selain daripada JAKMAS, KKE diperkukuhkan oleh tiga lagi organisasi pelajar di peringkat blok iaitu Majlis Ketua-Ketua Blok (MKKB) yang dianggotai oleh semua ketua blok dan diketuai oleh seorang ketua, manakala, Majlis Ketua-Ketua Kelab (MKKK) pula diwujudkan untuk menyatukan semua 12 buah kelab di bawah pentadbiran sebuah Majlis. Majlis Ketua-Ketua Sekretariat (MKKS) pula berfungsi sebagai platform pelapis kepada pemimpin-pemimpin pelajar di ketiga-tiga organisasi pelajar di mana MKKS menggabungkan semua Ketua Sekretariat JAKMAS.

Dengan kapasiti pelajar yang paling ramai di UMS, kesemua empat organisasi pelajar yang berkenaan menjadi mata, telinga dan tangan pengurusan KKE terutama dalam perkara-perkara berkaitan dengan pemantauan dan pencegahan isu-isu sahsiah dalam kalangan warga KKE. Dalam masa yang sama, organisasi-organisasi pelajar ini juga berperanan penting dalam merancang dan menjayakan aktiviti-aktiviti pelajar baik di peringkat blok, kelab mahu pun JAKMAS. Justeru, aspek komunikasi amat penting dan ia amat dititikberatkan dalam memastikan matlamat pengurusan sahsiah dan aktiviti pelajar dapat dicapai pada tahap optimum. Untuk itu, setiap blok di KKE digalakkan untuk mewujudkan Group WhatsApp masing-masing. Seterusnya, Group WhatsApp di peringkat pemimpin pelajar yang menggabungkan Ketua MKKB, MKKK, MKKS dan JAKMAS turut ditubuhkan selain daripada Group WhatsApp yang menggabungkan Felo dan JAKMAS, Group WhatsApp yang dianggotai oleh pengurusan kolej kediaman dan wakil pemimpin pelajar.

Kesemua Group WhatsApp ini memainkan peranan masing-masing dalam memastikan setiap perkara berkaitan dengan peraturan di kolej kediaman, isu-isu kemudahan di blok, kebajikan dan keselamatan pelajar serta gerakerja seranta bagi aktiviti pelajar dilakukan secara tersusun.

Secara mikro, TtEKNI (Rajah 1) dapat menceritakan bagaimana setiap bingkai pendapat yang terhasil daripada wacana di laman sosial. Terdapat empat orientasi pembentukan pendapat iaitu orientasi emosi, kelakuan, nilai-norma dan ideologi. Keempat-empat orientasi pembentukan pendapat ini berpusat kepada kandungan status yang dimuatnaik *Group WhatsApp* Kolej Kediaman Excellence (GWKKE). *Admin* bagi GWKKE menyediakan ruang kepada ahli-ahli Group untuk mengemukakan pandangan, bertanya soalan dan paling utama memperoleh maklumat daripada admin itu sendiri. Tindakan *admin* GWKKE menjelaskan sifat terbuka *admin* terhadap pandangan para ahli GWKKE.

Rajah 1: Model Tetingkap EKNI (TtEKNI)



Nota: EKNI adalah singkatan untuk *Emosi, Kelakuan, Nilai-Norma* dan *Ideologi*

Sumber: [Syahrudin \(2014\)](#)

Terdapat LAPAN (8) kunci (tetingkap kecil yang terletak di tengah-tengah empat tingkap besar) bagi tetingkap EKNI yang menjadi teras kepada proses membingkai pendapat menerusi wacana di laman blog. Kelapan-lapan kunci ini terletak dalam kotak kecil di tengah-tengah tingkap besar. Empat tingkap besar ini pula berfungsi sebagai

perlambangan wujudnya hubungan *blogger* dan peserta wacana. Butiran terperinci berkaitan kandungan tettingkap EKNI adalah seperti berikut,

- a) **'TH – P'** : Tidak peka dan hormat kepada hak orang lain
- b) **'EM'** : Empati dan Simpati (keupayaan menyelami emosi dan kondisi pihak lain)
- c) **'Ps'** : Penggerak Sosial (pemimpin pendapat)
- d) **'As'** : Anti-sosial (sub-budaya)
- e) **'Hd'** : Hedoni (kontra nilai agama serta moral; menongkah norma masyarakat)
- f) **'Am'** : Agama dan moral (nilai yang dipersetujui sebagai pegangan hidup)
- g) **'Pro-P'** : Pro-pembangkang (Anarki (Kickdefella), Reformis (Penarik Beca) dan *Marxist* (Rockys' Bru))
- h) **'Pro-D'** : Pro-demokrasi (arus perdana)
- i) Garisan sempadan segitiga yang membahagikan setiap tettingkap besar melambangkan proses menghubungkan bingkai pendapat menggunakan struktur wacana yang betul.
- j) Unsur psikologi adalah sebab kepada wujudnya prinsip kemanusiaan, manakala, demokrasi pula menjadi tunjang kepada tatasusila kemasyarakatan
- k) Elemen Ideologi dan nilai-norma masyarakat wujud dalam wacana demokrasi (saling bertindan dengan wacana psikologi)
- l) Elemen emosi dan kelakuan manusia yang berwacana wujud dalam wacana psikologi (saling bertindan dengan wacana demokrasi)

4.1. Analisis Wacana di GWKKE Menggunakan Model Tetingkap EKNI

Aspek kemanusiaan dan kemasyarakatan telah berjaya menarik minat insani dalam kalangan peserta wacana untuk mewacanakan isu di GWKKE yang berkenaan. Admin GWKKE dan ahli-ahli *Group* yang berkenaan menggunakan aspek psikologi dan sosiologi ini secara optimum untuk meraih sokongan dan perhatian daripada ahli *Group* lain. Ketiga-tiga ahli *Group* yang dikaji mengetengahkan topik, bahan dan wacana yang meletakkan KKE sebagai landasan untuk membincangkan setiap perkara yang berlaku baik dalam bentuk yang rutin mahu pun semasa.

Aspek ideologi dalam konteks Model TtEKNI bagi GWKKE ini menjurus kepada perkara-perkara asas yang berkaitan dengan peraturan kolej kediaman dan peraturan-peraturan universiti yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UMS.

Secara keseluruhan, Model TtEKNI (Syahrudin, 2014) berupaya menggambarkan penggunaan nada atau ton yang relatif dalam wacana berkaitan dengan sahsiah dan aktiviti pelajar di kalangan ahli-ahli GWKKE. Penggunaan WhatsApp dilihat sebagai positif ke arah membantu pihak pengurusan KKE terutama dalam menjayakan apa-apa arahan dan aktiviti berkaitan dengan sahsiah dan aktiviti pelajar. Ahli-ahli *Group* WhatsApp di peringkat kolej kediaman masih mengekalkan wacana yakni perbualan yang santai dan bersahaja dalam memperkatakan perkara-perkara yang formal. Setiap individu ahli *Group* berinteraksi sebagai rakan rakan sosial sesama mereka di alam maya yang secara prinsip telah membolehkan diskusi sihat untuk mencari jalan penyelesaian ke atas satu-satu isu yang dihadapi oleh warga KKE secara keseluruhan. Proses hebahan maklumat melalui perkongsian maklumat dalam rangkaian telah membolehkan para ahli *group* mendapat gambaran tentang satu-satu isu yang berlaku di dalam dan di luar persekitaran KKE.

5. Kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa menerusi Model TtEKNI (Syahrudin, 2014), wacana untuk memperkatakan isu sahsiah dan perancangan serta pelaksanaan aktiviti pelajar di KKE melalui *Group Whatsapp* dapat dipertanggungjawabkan sekaligus berperanan dalam memberikan maklumat berguna kepada warga kolej kediaman. Mesej dalam pelbagai genre dikongsi dengan tujuan untuk memberitahu, memberi peringatan, membuka persoalan untuk dikupas secara kolektif, merumuskan perbincangan seterusnya memberikan gambaran tentang satu-satu situasi atau keadaan di dalam persekitaran kolej kediaman.

Aspek sahsiah pelajar dan nilai kemahiran insaniah yang digarap dalam gerakerja berkaitan sahsiah pelajar diketengahkan dalam bahan yang dikongsi menerusi *Group Whatsapp* rasmi kolej kediaman. Demikianlah juga dengan pemberitahuan dan peringatan tentang aktiviti pelajar yang dilakukan secara berkala dan berterusan. Sungguhpun begitu, prasyarat kepada tercapainya matlamat sesebuah *Group Whatsapp* di Kolej kediaman Excellence (KKE) tertakluk kepada lima prasyarat berikut:

- a) Maklumat yang dikongsi memenuhi semua persoalan 4W dan 1H: Semua maklumat yang diketengahkan dalam *Group Whatsapp* perlu memenuhi syarat maklumat yang lengkap. Justeru, semua persoalan tentang Apa, Siapa, Di Mana, bila dan Bagaimana perlu dikemukakan bersama dengan bahan yang dikongsi agar ahli-ahli *Group Whatsapp* dapat mengetahui semua perkara asas berkaitan dengan perkara yang dikongsi itu.
- b) Edaran dan hebahan maklumat adalah menyeluruh: Hebahan maklumat yang menyeluruh bermaksud diketahui oleh semua segmen khalayak dalam organisasi KKE dan warga KKE secara total. Tahap kecapaian maklumat ini boleh dipenuhi dengan cara memastikan semua pihak berkepentingan baik di peringkat pengurusan kolej, felo, kelab, blok dan JAKMAS disenaraikan sebagai ahli sesebuah *Group Whatsapp*. Ini yang demikian supaya dapat membantu sumber (admin *Group Whatsapp*) untuk menyampaikan maklumat kepada semua wakil organisasi pelajar yang berkenaan. Justeru, wakil organisasi pelajar yang berkenaan akan menyampaikan maklumat berkenaan kepada pelajar-pelajar lain dalam organisasi tersebut.
- c) Peringatan ke atas satu-satu perkara dilakukan secara konsisten: Usaha yang tekad dan fokus dalam memberikan peringatan kepada ahli-ahli *Group WhatsApp* menjadi faktor penting yang menentukan semua pihak diberikan kesedaran secara berterusan tentang satu-satu acara, perkara atau situasi semasa di kolej kediaman.
- d) Sumber yang sahih dan diperakukan untuk mengesahkan bahan yang dikongsi: Kesahihan sumber pula menjadi nadi kepada maklumat yang boleh dipertanggungjawabkan ke atas satu-satu perkara. Sumber yang berkredibilitidapat meningkatkan nilai satu-satu mesej yang dikongsi.
- e) Ahli-ahli dalam *Group Whatsapp* KKE menyebarkan maklumat secara *lips service* (*word of mouth*): Sekiranya *Group Whatsapp* berfungsi secara atas talian, *lips service* atau usaha menyampaikan mesej secara lisan kepada ahli-ahli atau warga KKE dilakukan secara *off line* yakni secara bersemuka.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada warga Kolej Kediaman Excellent (kini dikenali sebagai Kolej Kediaman Tun Pengiran Ahmad Raffae), Universiti Malaysia Sabah atas kerjasama dan sumbangan ke atas kajian komuniti kolej kediaman ini. Kejayaan kajian tertakluk kepada budi dan jasa warga Kolej bersama dengan Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Sesi 2017/ 2018.

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini tidak mendapat pembiayaan tetapi telah mendapat sokongan daripada sektor pentadbiran Kolej Kediaman Excellent (kini dikenali sebagai Kolej Kediaman Tun Pengiran Ahmad Raffae) bersama dengan barisan Felo Kolej Kediaman Excellent bagi Sesi 2017/ 2018.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Data yang dikumpulkan dan dipersembahkan dalam bentuk artikel ilmiah ini tidak mempunyai percanggahan kepentingan baik dari pihak residen Kolej Kediaman Excellent (kini dikenali sebagai Kolej Kediaman Tun Pengiran Ahmad Raffae) mahu pun barisan pengurusan serta pentadbiran Kolej Kediaman Excellent, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) serta pengurusan Universiti Malaysia Sabah.

Rujukan

- Acton, B., & Koum, J. (2014). WhatsApp blog. *WhatsApp*. Retrieved from <http://blog.whatsapp.com/>
- Bere, A. (2012). *A comparative study of student experiences of unquitious learning via mobile devices and learner management systems at a South African university*. Proceedings of the 14th Annual Conference on World Wide Web Applications. Cape Peninsula University of Technology, <http://www.zaw3.co.za/index.php/ZA-WWW/2012/paper/viewFile/537/160>.
- Church, K., & Oliveira, R. d. (2013). *What's up with WhatsApp? Comparing mobile instant messaging behaviors with traditional SMS*. MOBILE HCI - Collaboration and Communication. Munich, Germany.
- Couldry, C. (2003). *Media Rituals A critical approach*. London, Greab Britain: Routledge.
- Dayani Ahal A., & Ariff Lin, S. M. (2014). Convenience or Nuisance? The Whats App Dilemma. *Procedia- Social & Behaviour Science*, 155, 189-196.
- Debatin, J., Lovejoy, P., Scripps, E. W., Horn, A., & Hughes, B. N. (2009). Facebook and online privacy: Attitudes, behaviors, and unintended consequences. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 15(1), 83-108.
- Deo Shao & Hassan Seif. (2014). Exploitation of Online Social Networks (OSNs) among University Students: A Case Study of the University of Dodoma. *International Journal of Computer Applications*, 4(12), 0975 – 8887
- Devi, T. S., & Tevera, S. (2014). Use of social networking site in the University of Swaziland by the health science students: A Case study. *Journal of Information Management*, 1(1), 19-26.
- Jamaluddin Ibrahim, Rafidah Chee Ros, Nurul Faatihah Sulaiman, Roszaini Che Nordin dan Li Ze Yuan. (2014). Positive Impact of Smartphone Application: Whatsapp &

- Facebook for Online Business. *International Journal of Scientific and Research Publications*, 4(12), 1-4
- Malaysianwireless. Com. (21 Ogos 2014). Telenor: Malaysia & Thailand among world's most mobileInternet-hungry. <https://www.malaysianwireless.com/2014/08/telenor-malaysia-thailand-among-worlds-mobile-internet-hungry/>
- Noor Azuan Hashim, Nor Liza Abdullah, Rosman Mat Isa & Hawati Janor. (2015). Aplikasi Pemesan Whatspp di kalangan pelajar jurusan perniagaan di Malaysia: satu tinjauan. *Jurnal Personalia Pelajar*, 18(2), 128-139.
- O'Hara et al. (2014). *Everyday dwelling with WhatsApp*. Proceedings of the ACM Conference on Computer Supported Cooperative Work, CSCW, 1131-1143. 10.1145/2531602.2531679
- Plana et al. (2013). *Improving learners' reading skills through instant short messages: A sample study using WhatsApp*. 4th World-CALL Conference, Glasgow.
- Ramamurthy, V. & R. Srinivasa. (2015). Smartphones Promote Autonomous Learning in ESL Classrooms. *Malaysian Online Journal of Educational Technology*, 3(4), 1-13.
- Siew Ming Thang, Noorizah Mohd. Noor, Adzuhaidah M. Taha, Lay Shi Ng & Noor Baizura Abdul Aziz. (2016). Effects of Social Networking on Malaysian Secondary School Students: Attitudes, Behaviours and Awareness of Risks. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.*, 24(S), 157 - 168
- Soliman, D. A., & Salem, M. S. (2014). Investigating intention to use mobile instant messenger: The influence of socialibility, self expressiveness, and enjoyment. *The Journal of American Academy of Business, Cambridge*, 19(2), 286-293.
- Sudharani, Y. & Nagaraju, K. (2016). WhatsApp usage among the Students of SVU College of Engineering, Tirupathi. *Journal of Advances in Library and Information Science*, 4, 325-329.
- Syahrudin Ag Ahmad (September 2014) *Wacana di Laman Blog dan Pembentukan Pendapat Umum Terhadap Kerajaan*. PhD Thesis. Universiti Sains Malaysia.
- Tze, Y. S., Dewika Naidu, Devandran Apparasamy. (2014). Improving Students Engagement through Social Media: A Case Study of a Private University in Malaysia Using Facebook. *International Journal of e-Education, e-Business, e-Management and e-Learning*, 4(6), 396 – 409
- Yeboah, J., & Ewur, G. D. (2014). The impact of WhatsApp messenger usage on students performance in Tertiary Institutions in Ghana. *Journal of Education and Practice*, 5(6), 157-164.